

**TAJUK 1 :**  
**PELAN STRATEGI SMI 2020**

TARIKH :	8 Disember 2016	PENCERAMAH:	Ir. Amiruddin Bin Ali
TEMPAT:	Millenium Ballroom 1	REPORTOUR :	1. Abd. Razak Ab. Manap 2. Almuhaymin Abdul Hadi

## **LAPORAN REPORTOUR**

**RINGKASAN PEMBENTANGAN :**

1. OSH Compliance Support (Objektif: Kesedaran, pematuhan dan kurang kadar kemalangan).
2. Aktiviti OSH Compliance: Door to Door, Payung, Wise, Pendaftaran Berterusan.
3. IKS 2020 terdiri dari 6 strategi:
4. Strategi 1: Pengetahuan & kemahiran KKP yang meningkat. Strategi 2: Bantuan KKP yang berkesan.
5. Strategi 2: Bantuan pematuhan KKP berkesan.
6. Strategi 3: Budaya pencegahan diterapkan melalui promosi KKP berkesan.
7. Strategi 4: Inovasi KKP
8. Strategi 5: Penguatkuasaan KKP berkesan.
9. Strategi 6: Bilangan & kualiti pengamal KKP sektor IKS meningkat.

**ISU YANG DIBANGKITKAN:**

BIL.	SOALAN	JAWAPAN / MAKLUMAT TAMBAHAN	NAMA / SYARIKAT
1.	Nestle selaku <i>distributor</i> , bagaimana peranan dapat dimainkan bagi mendorong IKS menyertai OSH <i>Compliance Support</i> ?	<p><b>JAWAPAN:</b> Kerajaan hanya menyediakan platform. Penglibatan tidak wajib. Kesedaran dari majikan (IKS) amat penting.</p> <p><b>MAKLUMAT TAMBAHAN:</b> IKS perlu sedar bahwa menyediakan tempat kerja yang selamat adalah tanggungjawab majikan tanpa mengira samada ianya syarikat kecil atau besar. Begitu juga penalty yang dikenakan juga adalah sama jumlahnya. Selalunya, kekurangan baget adalah punca utama kenapa IKS tidak atau gagal mematuhi element KKP. <i>OSH Compliance support</i> membantu IKS mematuhi kehendak undang-undang dengan bantuan dari JKPP sendiri secara percuma.</p>	Hendry Nestle

2.	Apakah insentif kerajaan bagi mereka terlibat dengan IKS 2020.	<p>Tiada insentif khusus dari JKKP. Cuma kesan langsung dari program yang diwujudkan hanyalah mengurangkan kadar kemalangan. Namun begitu dibawah lain – lain agensi terdapat geran, dana yang boleh membantu IKS.</p> <p><b><u>MAKLUMAT TAMBAHAN</u></b></p> <p>Tiada bantuan secara fizikal disediakan oleh JKKP tetapi bantuan khidmat kepakaran (jururunding) bagaimana untuk menyediakan tempat yang selamat diberikan secara percuma oleh pihak JKKP. JKKP juga sedasng berusaha untuk mengadakan kerjasama bersama agensi IKS lain seperti SMEDEC untuk mendapat bantuan dana atau geran.</p>	
3.	Peranan JKKP terhadap IKS yang memiliki jentera berperakuan, namun tidak berdaftar.	<p>Sebelum mengambil tindakan, JKKP akan memberikan khidmat nasihat dan khidmat sokongan bagi mendaftar jentera tersebut.</p> <p><b><u>MAKLUMAT TAMBAHAN:</u></b></p> <p>-</p>	Hassan Abdullah Kansan Paint
4.	Bolehkan OSH-C diwujudkan pejabat cawangan (10 pekerja) bagi kilang yang tidak tertakluk dibawah definasi IKS.	<p>Boleh, berhubung dengan JKKP Negeri</p> <p><b><u>MAKLUMAT TAMBAHAN:</u></b></p> <p>Safety Committee [SC] diwujudkan sebagai platform untuk berbincang berkenaan KKP ditempat kerja. Majikan dan pekerja duduk bersama bagi menambahbaik KKP. Walaupun dari sudut perundangan, cuma tempat kerja yang mempunyai lebih dari 40 orang pekerja diwajibkan untuk mewujudkan SC tetapi JKKP mengalukan langkah yang dibuat untuk mengadakan SC tersebut sebagai langkah proaktif untuk meningkat tahap KKP di tempat kerja.</p>	